

Keluhan peniaga, penjaja pasar

Mohon DBKL segera selesai masalah kemudahan infrastruktur



Johari (tengah) bersama penjaja dan peniaga pasar Kampung Pandan pada program sesi dialog berkenaan.

KUALALUMPUR - Persatuan Penjaja dan Peniaga Pasar Kampung Pandan berharap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) segera melaksanakan pembaikan kemudahan infrastruktur di pasar berkenaan demi keselesaan pengunjung.

Pengerusinya, Muhammad Muszaki Mohd Ozir berkata, masalah berkenaan melibatkan lampu, kipas dan tandas yang rosak.

"Perkara ini bukan saja menjejaskan kelancaran aktiviti peniaga tapi kepada pengunjung juga...kalau semua rosak, mereka tak selesaiah.

"Dah nak masuk tiga bulan kemudahan di sini rosak, harap pihak berwajib ambil serius perkara

ini...kalau boleh kita tak nak perkara ini berterusan," katanya.

Namun, menurutnya, peniaga juga tidak menolak sebarang pembangunan di tapak pasar ini.

"Perancangan mengenai pembangunan di tapak pasar ini perlu dimaklumkan kepada penjaja dan peniaga supaya kita bersedia hadapi projek pembangunan itu.

"Kita berhak tahu, apa dan bagaimana pembangunan itu dapat beri manfaat kepada kita...sebab kalau tak dimaklumkan...takut ia tak sesuai dengan kehendak peniaga.

"Jika tiada sebarang projek pembangunan, kami harap DBKL dapat baik pulih infrastruktur pasar ini. Kita juga harap DBKL dapat

tawarkan lot kosong kepada peniaga yang berminat untuk jalankan perniagaan," katanya.

Bellau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui pada Program Sesi Dialog bersama Ahli Parlimen Tidwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani.

Sementara itu, Johari berkata, pihaknya sedia maklum berhubung masalah yang telah dibangkitkan peniaga.

"Perkara ini adalah masalah basic, saya harap pihak berkuasa tempatan itu dapat menyelesaikannya supaya lebih ramai lagi kehadiran pengunjung secara tak langsung dapat tingkatkan lagi pendapatan peniaga," katanya.